

## JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Bagi persoalan berhubung kertas Roadtax yang tidak mencukupi di JPJ Sibu, bekalan stok yang diagihkan daripada Stor Pusat kepada JPJ Negeri Sarawak adalah berdasarkan unjuran keperluan dengan purata 30 ribu keping sebulan pada tahun 2016 manakala 40 hingga 50 ribu keping sebulan pada tahun 2017. Agihan kepada 14 cawangan termasuk UTC di seluruh Sarawak diagih oleh JPJ Negeri Sarawak secara adil mengikut unjuran penggunaan.

Sebarang keperluan di luar unjuran di cawangan dan UTC akan dilaporkan kepada pihak Stor Pusat melalui Stor JPJ Negeri dan pihak Stor Pusat akan sentiasa berusaha untuk membantu menyediakan bekalan stok yang diperlukan.

Perkhidmatan kerja membaik pulih dan menyelenggara pendingin hawa berpusat di Blok Rejang JPJ Sibu telah selesai dilaksanakan pada November 2016 .